

# MAJLIS PENUTUP KURSUS DAN PENYAMPAIAN DIPLOMA MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA (MPAT) SIRI 38/2018

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4284-majlis-penutup-kursus-dan-penyampaian-diploma-maktab-pertahanan-angkatan-tentera-mpat-siri-38-2018](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4284-majlis-penutup-kursus-dan-penyampaian-diploma-maktab-pertahanan-angkatan-tentera-mpat-siri-38-2018)

KUALA LUMPUR, 21 Dis 18 - Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menghadiri Majlis Penutup Kursus dan Penyampaian Diploma bertempat di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT). Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu. Seramai 45 orang peserta kursus telah berjaya menamatkan kursus yang terdiri daripada 19 orang pegawai Tentera Darat Malaysia, 8 orang pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia, 8 orang pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia dan 10 orang daripada luar negara.

Kursus ini telah disertai oleh Pegawai Tentera yang berpangkat Leftenan Kolonel dan Kolonel atau setaraf daripada ketiga-tiga perkhidmatan ATM, Pegawai Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta Pegawai Tadbir dan Diplomatik, penuntut luar negara daripada Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Fiji, Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Turut hadir adalah Panglima Angkatan Bersama, Laksdya Dato' Syed Zahiruddin Putra bin Syed Osman, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksdya Datuk Khairul Anuar bin Yahya, Pegawai-pegawai Kanan ATM serta keluarga penuntut kursus.



